

HUKUM MEMBAWA KANAK-KANAK KE DALAM MASJID

Mohammad Zaini Yahaya¹
Muhammad Adib Samsudin²

ABSTRAK

Pendidikan seharusnya bermula pada zaman kanak-kanak. Antara pendidikan yang dilakukan semenjak kanak-kanak ialah solat. Amalan membawa kanak-kanak ke masjid merupakan salah satu bentuk pendidikan kerana ia dapat melatih kanak-kanak untuk mendekati masjid sebagai tempat aktiviti ibadat dan komuniti setempat. Namun, dalam kalangan masyarakat ada yang berpandangan kanak-kanak tidak wajar dibawa ke masjid atas pelbagai alasan termasuk mengganggu ketenteraman dan suasana ibadat di dalam masjid. Mereka berhujah dengan beberapa dalil termasuk hadis Rasulullah SAW. Dalam isu ini kelihatan secara zahirnya berlaku pertentangan antara motif pendidikan dengan larangan ke masjid terhadap kanak-kanak. Justeru, kertas kerja ini menganalisis kembali pandangan dan hujah berkaitan dengan isu dengan merujuk kepada al-Quran dan al-Hadith untuk melihat ‘illah pengharaman berdasarkan didiplin ilmu usul al-fiqh. Turut dilihat pandangan para ulama muktabar di dalam karya-karya agung mereka serta kondisi semasa untuk memilih pandangan yang paling sesuai digunakan pada masa ini.

Kata kunci: masjid, surau, musolla, kanak-kanak.

PENDAHULUAN

Masjid merupakan tempat yang mulia dan suci bagi umat Islam. Masjid ialah pusat ibadat dan penyebaran ilmu terutama ilmu-ilmu berkaitan Islam. al-Quran al-Karim dengan jelas menyebutkan beberapa fungsi utama masjid, antaranya firman Allah SWT:

فِي بُيُوتٍ أَذْنَ اللَّهُ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرُ فِيهَا اسْمُهُ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْأَصَابِلِ

(Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang. (al-Quran al-Karim, al-Nur 24: 36)

¹ Ph.D; Pensyarah Kanan, Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. zainiyahya@ukm.edu.my.

² Ph.D; Pensyarah Kanan, Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. adib@ukm.edu.my

Sehubungan dengan ini, Rasulullah S.A.W sangat mengambil berat tentang kebersihan masjid untuk mengekalkan kesucian dan keceriaan masjid. al-Bukhariyy meriwayatkan hadis Anas ibn Malik r.a.:

الْبَزَاقُ فِي الْمَسْجِدِ حَطِينَةٌ وَكَفَّارٌ هُمَا دَفْنُهَا

Maksudnya: Berludah di masjid ialah satu kesalahan dan kaffarahnnya ialah dengan menanamnya (dengan tanah atau mengeluarkannya daripada masjid) (al-Bukhariyy 1987, *al-Sahih, abwab al-masjid, bab kaffarat al-buzaq fi al-masajid*)

Malah Rasulullah SAW melarang orang yang berbau busuk mendekati masjid melainkan setelah hilang bau tersebut. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ أَكَلَ مِنْ هَذِهِ الشَّجَرَةِ (يَعْنِي الشَّوْمَ) فَلَا يَأْتِيَنَّ الْمَسَاجِدَ

Maksudnya: Siapa yang makan daripada pokok ini (bawang putih) jangan datang ke masjid (Muslim t.th., *Sahih Muslim, kitab al-masajid wa mawadi' al-salah, bab nahy man akal thawm aw basal aw karath aw nahwahuma mimma lahu ra'iħħħ kariħħah 'an hudur al-masjid hatta tadħħab tilk al-riħ*)

Selain daripada sudut kebersihan tempat dan udara yang nyaman, pencemaran bunyi di dalam masjid juga diberi perhatian dalam Islam. Hal ini dapat difahami berdasarkan tindakan Umar ibn al-Khattab r.a. yang melarang keras perbuatan membuat bising di dalam masjid. Pada suatu hari dua orang Ta'if membuat bising di dalam masjid. Umar r.a. meminta al-Sa'ib ibn Yazid memanggil dua lelaki Ta'if tersebut. Umar berkata: “Jika kamu berdua penduduk Madinah, pasti aku akan menyakitkan kamu. Kamu berdua telah mengangkat suara di dalam masjid Rasulullah *Shallallah 'alayhi wa sallam*” (al-Bukhariyy 1987, *al-Sahih, kitab al-salah, bab raf' al-sawt fi al-masajid* :1/179).

Berdasarkan nukilan-nukilan di atas, jelas kepada kita tentang kemuliaan masjid yang wajar dipelihara supaya ia kekal sebagai satu tempat yang suci, bersih dan tenang. Jika begitu suasana yang perlu wujud di masjid, timbul persoalan berkenaan kehadiran kanak-kanak ke masjid. Kehadiran mereka mungkin akan menjelaskan tiga perkara yang dinyatakan sebelum ini iaitu kebersihan, bau dan bunyi. Pada masa yang sama kenapa menjadikan masjid tempat terlarang bagi mereka sedangkan mereka perlu ‘dijinakkan’ dengan masjid sejak kecil bak kata pepatah ‘melentur buluh biar dari rebingnya’. Justeru terdapat percanggahan antara kebaikan dan keburukan dalam isu ini, kelihatannya terdapat pelbagai pandangan dalam kalangan ulama berkenaannya.

PENGERTIAN MASJID

Sebelum membincangkan lebih lanjut berkenaan hukum membawa kanak-kanak ke masjid perlu dibincangkan terlebih dahulu berkenaan masjid serta istilah-istilah berkaitan seperti surau dan musolla.

‘Masjid’ dari sudut bahasa ialah berasal daripada bahasa Arab yang bererti tempat sujud atau maksudnya yang sebenar tempat solat. Sujud merupakan perbuatan yang paling mulia dalam rukun solat, justeru ia dijadikan simbol kepada solat.

Dari sudut istilah, ‘masjid’ mempunyai makna umum dan khusus. Makna umum ‘masjid’ ialah tempat bersolat di mana sahaja di atas permukaan bumi. Hal ini berdasarkan hadis riwayat Jabir ibn ‘Abd Allah r.a. bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

وَجْعَلْتُ لِي الْأَرْضَ مَسْجِدًا وَطَهُورًا

Maksudnya: Dan dijadikan bagiku bumi sebagai masjid dan (tanah) sebagai alat bersuci (al-Bukhariyy 1987, *al-Sahih, abwab al-masjid, bab qawl al-nabiyy sala Allah ‘alayh wasallam ju ’ilt al-ard masjida wa tahura*).

Makna masjid secara khusus ialah:

بُقْعَةٌ مِنَ الْأَرْضِ مُخَصَّصةٌ لِأَدَاءِ الْعِبَادَةِ فِيهَا مُتَحَرِّزٌ مِنْ التَّمَلُّكِ الشَّخْصِيِّ

Maksudnya: Tempat di atas permukaan bumi yang khusus untuk melaksanakan ibadat padanya dan bebas daripada pemilikan individu (Nubi Muhammad Hasan 2002: 13).

Berdasarkan definisi ini, terdapat dua ciri masjid iaitu:

1. Bebas daripada pemilikan individu. Di Malaysia, hal ini dinyatakan dengan jelas dalam seksyen 98 (c) (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003):
Majlis tidak boleh memberi kebenarannya atau membuat ketetapan di bawah subseksyen (1) melainkan jika tapak bangunan yang hendak digunakan sebagai masjid itu telah dijadikan wakaf yang berkekalan.
2. Kegunaannya khusus untuk ibadat bukan untuk hal-hal keduniaan. Oleh sebab itu dilarang sama sekali melakukan jual beli di dalam masjid. Hal ini selari dengan takrifan masjid dalam Peraturan-Peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017 yang menyatakan:

“masjid” ertinya suatu bangunan—

- (a) yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan yang disuruh, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam; dan
- (b) yang penggunaannya sebagai yang sedemikian dibenarkan oleh Majlis di bawah seksyen 98 Enakmen,

Berdasarkan definisi masjid yang lalu, surau di Malaysia juga dianggap sebagai masjid jika memiliki dua ciri yang dinyatakan tadi. Walaupun jika sesuatu surau itu tidak dibenarkan melakukan solat Jumaat oleh Majlis Agama Islam Negeri, namun jika ia berdaftar bermakna ia memiliki dua ciri tersebut. Oleh itu hukum hakam masjid seperti iktikaf, larangan bagi wanita haid dan nifas serta pensyariatan solat tahiyyatul masjid juga terpakai kepada surau tersebut.

Berbeza dengan surau, istilah musolla pula perlu diteliti penggunaannya kerana ia diambil daripada bahasa Arab namun penggunaannya dalam bahasa Melayu agak berbeza. Di dalam bahasa Arab musolla merujuk kepada tempat yang bukan dikhkususkan melakukan solat lima waktu, sebaliknya ia untuk melakukan solat lain seperti solat hari raya. Ia tidak dianggap sebagai masjid dari sudut hukumnya (al-Zarkashiyy 1996: 28). Selain itu dalam bahasa Arab, musolla juga merujuk kepada tempat solat yang biasanya dimiliki oleh individu seperti musolla di rumah. Hal inilah yang dimaksudkan dengan hadis berikut:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: أَمْرَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- بِبَنَاءِ الْمَسَاجِدِ فِي الدُّورِ، وَأَنْ تُنَظَّفَ
وَتُطَبَّ

Maksudnya: Daripada A'ishah beliau berkata: Rasulullah (SAW) memerintahkan supaya dibina masjid di rumah, membersihkan dan meletakkan wangian padanya (al-Tirmidhiyy, T.th., *Sunan al-Tirmidhiyy*, *kitab al-salah*, *bab ittikhadhdh al-masajid fi al-dawr*).

Amalan menyediakan ruang sebagai musolla (*masjid al-bayt*) juga merupakan kebiasaan bagi para salafussoleh. Musolla ini juga tidak dianggap sebagai masjid dari sudut hukumnya dalam kalangan majoriti fuqaha' (Ibn Rajab 1996: 169).

Di Malaysia, perkataan musolla biasanya digunakan untuk merujuk kepada tempat khusus solat yang dimiliki individu dan dikhkususkan untuk solat. Biasanya musolla merupakan ruang kecil dan terletak di kawasan-kawasan tertentu seperti pejabat dan pusat beli belah. Musolla tidak mempunyai ciri-ciri masjid melainkan jika ia diwakafkan dan dilaksanakan solat lima waktu secara konsisten. Justeru perbincangan berkenaan hukum membawa kanak-kanak ke masjid yang dibincangkan di dalam kertas kerja ini merujuk kepada masjid dan surau sahaja. Walaupun perbincangan seterusnya menggunakan istilah masjid sahaja namun ia terpakai juga kepada surau yang juga memiliki ciri-ciri masjid.

ARGUMENTASI PARA FUQAHĀ BERKENAAN HUKUM MEMBAWA KANAK-KANAK KE MASJID

Kebanyakan ulama yang melarang membawa kanak-kanak memasuki masjid berhujah dengan hadis yang melarang membawa kanak-kanak ke masjid. Hadith utama yang

dijadikan sandaran dalam melarang membawa kanak-kanak ke masjid ialah riwayat Wathilah ibn al-Asqa' bahawa Rasulullah SAW bersabda:

جَنِّبُوا مَسَاجِدَكُمْ صِبِيَانَكُمْ، وَجَانِيَّكُمْ، وَشَرَارُكُمْ، وَبَيْعَكُمْ، وَحُصُومَاتِكُمْ، وَرَفْعَ أَصْوَاتِكُمْ وَإِقَامَةٍ
خُدُودَكُمْ.

Maksudnya: Jauhilah kanak-kanak dan orang gila daripada masjid kamu, orang yang jahat dalam kalangan kamu, jual beli kamu, pertikaian kamu, meninggikan suara kamu dan melaksanakan hukuman hudud kamu (Ibn Majah 1430H/2009M, *Sunan Ibn Majah, abwab al-masajid wa al-jama'at, bab ma yukrah fi al-masajid*; al-Tabraniyy t.th, *al-Mu'jam al-kabir, bab al-sad, Makhul al-Shamiyy 'an Abi Umamah*).

Namun al-'Asqalani (1416H/1995M: 346), al-Haythamiyy (1414H/1994M: 26) dan al-Shawkaniyy (1427H: 466) menyatakan hadith ini lemah. al-'Asqalaniyy (1416H/1995M: 346) menukilkan pandangan yang sama daripada al-Bayhaqiy dan Ibn al-Jawziyy.

Selain itu, al-Tabraniyy meriwayatkan hadith yang hampir sama tetapi dengan lafaz yang berbeza iaitu:

عَنْ مَكْحُولٍ، رَفِعَهُ إِلَى مُعاَذِ بْنِ جَبَلٍ، وَرَفَعَهُ مُعاَذٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ جَنِّبُوا
مَسَاجِدَكُمْ صِبِيَانَكُمْ، وَحُصُومَاتِكُمْ، وَخُدُودَكُمْ، وَبَيْعَكُمْ، وَجَمِيعُهَا يَوْمَ جَمِيعِكُمْ، وَاجْعَلُوهَا
عَلَى أَبْوَاهِهِمْ مَطَاهِرَكُمْ

Maksudnya: Daripada Makhul, beliau meriwayatkannya dariadapa Mu'adh ibn Jabal dan Mu'adh meriwayatkan daripada Nabi S.A.W, sabdanya: Hindarilah masjid-masjid kami daripada kanak-kanak kamu, pertikaian kamu, hukuman hudud kamu, jual beli kamu dan bakarlah wangi-wangian di masjid-masjid kamu pada hari perhimpunan kamu dan letakkan pada pintunya alat-alat suci kamu (al-Tabraniyy 1983, *al-Mu'jam al-kabir, bab al-mim, Mu'adh ibn Jabal al-Ansariyy*)

al-Haythamiyy (1414H/1994M: 26) dan al-Shawkaniyy (1427H: 465) berpendapat hadis ini juga lemah kerana Makhul tidak pernah meriwayatkan hadis daripada Mu'adh ibn Jabal (*munqati'*).

Antara ulama yang menggunakan hadith ini sebagai hujah melarang kanak-kanak memasuki masjid ialah Mukhtar ibn Mahmud al-Zahidiyy dalam kitabnya *al-Qunyah*³ sebagaimana yang dinukilkan oleh Ibn 'Abidin (1412H/1992M: 6/428).

Selain hujah hadith tersebut, para ulama yang melarang membawa kanak-kanak memasuki masjid menjadikan hujah kanak-kanak boleh mengotori masjid serta

³ *Al-Qunyah* merupakan sebuah kitab mazhab Hanafi yang dianggap lemah periyatan mazhab.

mengganggu ketenteraman masjid. Berikut dikemukakan pelbagai pandangan para ulama daripada pelbagai mazhab terhadap isu ini dalam penulisan mereka.

1.1 Mazhab Hanafi

Sebahagian ulama mazhab Hanafi menggunakan hadis yang dinyatakan di atas untuk melarang memasukkan kanak-kanak ke dalam masjid. Mereka menyamakan larangan melakukan solat jenazah di dalam masjid dengan larangan yang dinyatakan di dalam hadith ini. Badr al-Din al-'Ayniyy (2000: 231) berkata: "Melakukan solat jenazah boleh menyebabkan berlaku kekotoran di dalam masjid sedangkan kita diperintah supaya menyucikan masjid (daripada kekotoran). Sabda Rasulullah SAW: Jauhilah kanak-kanak dan orang gila daripada masjid-masjid kamu. Jika mereka diperintahkan supaya menjauhkan kanak-kanak dan orang gila daripada masjid maka mayat lebih utama dijauhi kerana ia tidak dapat dijamin tidak mengotori masjid.

1.2 Mazhab Maliki

Imam Malik (1994: 195) ditanya berkenaan hukum membawa kanak-kanak ke masjid. Beliau menjawab: "Jika kanak-kanak tersebut tidak bermain-main kerana sifat kekanakannya dan dia berhenti jika dilarang, aku tidak melihatnya sebagai satu kesalahan, tetapi jika dia bermain-main kerana sifat kekanakannya dan dia tidak berhenti jika dilarang aku berpandangan dia tidak wajar dibawa ke masjid". al-Hattab (2010: 386-387) menjelaskan maksud ini dengan menyatakan kanak-kanak tersebut hendaklah diuji sebelum memasuki masjid sama ada dia boleh menerima arahan supaya tidak bermain atau tidak, kerana masjid hendaklah dihindari daripada permainan kanak-kanak atau membuat bising.

Para ulama mazhab Maliki melarang hal ini walaupun untuk tujuan pengajaran. Al-Qarafiyy (1994: 188) berkata: "Dilarang mengajar kanak-kanak dan memasukkan mereka ke dalam masjid kecuali untuk bersolat". Al-Mawaq (1994: 619) menukilkan daripada Ibn 'Arafah katanya: berkenaan mengajar kanak-kanak dalam masjid Ibn al-Qasim berkata: "Jika seseorang kanak-kanak mencapai tahap beradab tidak mengapa membawanya ke masjid tetapi jika dia masih kecil tidak duduk diam dalam masjid dan bermain aku tidak menyukainya. Sahnun meriwayatkan bahawa kanak-kanak tidak boleh diajar di dalam masjid kerana mereka tidak dapat dipelihara daripada najis.

1.3 Mazhab Syafie

al-Imam al-Nawawiyy (1980: 205) menegaskan di dalam kitab *al-Majmu'* bahawa berhimpun kanak-kanak di masjid termasuk dalam perkara bid'ah yang ditegah (*al-bida'* *al-munkarah*). Beliau berkata: "Antara perkara-perkara bid'ah yang ditegah ialah perkara yang dilakukan di kebanyakan negeri dengan menyalakan pelita-pelita (*qanadil*) besar lagi membazir pada malam-malam tertentu seperti malam Nisfu

Sya'ban. Ia mengundang banyak keburukan antaranya ialah menyerupai kaum Majusi dari sudut memberi perhatian kepada api dan memperbanyakannya, melakukan pembaziran, mengundang kepada aktiviti perhimpunan kanak-kanak dan golongan yang suka berfoya-foya dengan bermain, mengangkat suara, melanggar kehormatan masjid dan menyebabkan kekotoran serta perkara-perkara buruk lain yang mesti dipelihara bagi sesebuah masjid". al-Nawawiyy (1991: 403) juga menyatakan di dalam kitab *Rawdah al-Talibin*: "Begitu juga kanak-kanak dan orang gila ditegah memasukinya (masjid)". Walaupun beliau tidak menyatakan alasannya di dalam kitab *Rawdah al-Talibin* tetapi ia boleh ditanggapi menerusi konteks perbincangannya yang berkisar berkenaan haid dan najis hukmi (orang kafir).

Al-Shaykh Abu Zakariyya al-Ansariyy (t.th: 186) berkata: "Dilarang kanak-kanak tidak mumayyiz, haiwan, orang gila dan orang mabuk memasukinya (masjid) kerana dikhuatiri akan mengotorinya. Begitu juga wanita yang berhaid dan seumpamanya jika dibimbangi perkara yang sama". Seterusnya beliau menyatakan hukum larangan yang dimaksudkan boleh jadi haram atau makruh berdasarkan kepada tahap jangkaan kekotoran yang diakibatkan oleh mereka: "Larangan terhadap perkara yang haram juga berlaku terhadap perkara yang makruh. Larangan terhadap yang pertama (haram) adalah wajib sementara larangan terhadap yang kedua (makruh) adalah sunat. Jika besar kemungkinan mereka yang dinyatakan menyebabkan kekotoran (najis) kepada masjid, haram dibenarkan mereka memasukkannya, namun jika tidak ia adalah makruh" (al-Ansariyy T.th: 186).

1.4 Mazhab Hanbali

Muhanna (al-Shamiyy 2010: 115) meriwayatkan daripada al-Imam Ahmad bahawa beliau berkata: "Sewajarnya hendaklah dielakkan kanak-kanak daripada memasuki masjid. Muhanna (al-Shamiyy 2010: 116) menambah: "Riwayat ini menunjukkan larangan kanak-kanak daripada masjid. Ia adalah pandangan yang sahih dalam mazhab (Hanbali) berdasarkan hadith: Hindarilah kanak-kanak daripada masjid-masjid kamu. Ja'far ibn Muhammad juga menukilkan riwayat yang menyamai riwayat ini daripada al-Imam Ahmad".

Ibn Mufligh mempunyai tafsiran terhadap hal ini. Beliau (Ibn Mufligh 1999: 376) berkata: "Sebahagian ulama melarang mengajar kanak-kanak di dalam masjid. Sebahagian ulama menukilkan khilaf ulama dalam hal mengajar kanak-kanak di dalam masjid serta disunatkan supaya memelihara masjid daripada kanak-kanak yang tidak mumayyiz. Mereka mengungkapkannya secara *mutlaq* (tanpa pendetailan). Maksudnya yang dikehendaki Allah Yang Maha Mengetahui ialah (dilarang) jika kanak-kanak tersebut tidak mumayyiz dan (dimasukkan ke dalam masjid) tanpa kemaslahatan dan faedah".

al-Shaykh Mar'i al-Karamiyy (2007: 371) menyatakan di dalam kitab *Ghayah al-Muntaha*: "Harus mengajar menulis kanak-kanak di masjid (di masjid) yang tidak mendatangkan kemudarat dan sunat dipelihara (masjid) daripada kanak-kanak tidak mumayyiz tanpa kemaslahatan". Jelas di sini al-Karamiyy meletakkan

dua syarat dalam membenarkan membawa kanak-kanak ke masjid iaitu pertama ada kemaslahatan dan kedua terpelihara daripada kemudaratan.

ANALISIS PANDANGAN FUQAHĀ

Setelah membentangkan pandangan para ulama muktabar pelbagai mazhab, kita dapat mereka bersepakat melarang kanak-kanak dibawa ke masjid jika kehadiran mereka itu menyebabkan masjid tercemar dengan kotoran najis atau membuat bising. Hal ini disebabkan masjid adalah tempat khusus untuk melakukan ibadah. Najis dan bunyi bising akan mengganggu ketenteraman serta bercanggah dengan maqasid masjid itu sendiri. Namun persoalannya adakah larangan tersebut akan terpakai kepada semua keadaan bagi kanak-kanak?

Sepertimana nukilan yang lalu, Imam Malik meletakkan syarat yang membolehkan membawa masuk kanak-kanak ke masjid iaitu kanak-kanak yang boleh dikawal pergerakannya sehingga tidak mengganggu ketenteraman masjid. Ibn ‘Arafah kelihatan tidak jauh berbeza dengan pandangan beliau. Ibn ‘Arafah menyatakan jika kanak-kanak boleh berada diam di dalam masjid beliau tidak melihat sebagai satu kesalahan untuk membawanya ke masjid.

Sebab larangan kedua pula ia mengotori masjid dengan najis. al-Shaykh Abu Zakariyya al-Ansariyy mencadangkan satu parameter dalam meletakkan hukum haram dan makruh berdasarkan kepada tahap jangkaan kekotoran yang dilakukan oleh mereka. Jika besar kemungkinan kanak-kanak tersebut boleh mengotori masjid dengan najis kanak-kanak tersebut haram dibawa masuk ke masjid. Namun jika sebaliknya ia adalah makruh. Bermakna makruh membawa kanak-kanak yang ada kemungkinan boleh mengotori masjid dengan najis. Namun, persoalannya jika perkara ini boleh dielak dengan memakaikan lampin pakai buang sebagaimana yang dilakukan pada hari ini, adakah ia kekal sebagai makruh? al-Shaykh Abu Zakariyya al-Ansariyy tidak mendetailkan hal ini. Justeru kita tidak boleh menisbahkan hukum makruh membawa kanak-kanak memakai lampin pakai buang kepada beliau berdasarkan kaedah “*la yunsab ila sakit qawl*” yang bermaksud “tidak boleh dikaitkan sesuatu pandangan kepada orang yang diam (tidak menyatakannya dengan jelas).

Selain daripada itu, penggunaan perkataan kanak-kanak iaitu “*al-sibyan*” dalam karangan mereka juga bersifat *mutlaq* iaitu merangkumi kanak-kanak tidak mumayyiz dan kanak-kanak mumayyiz. Namun bila mereka mengaitkan dengan kawalan daripada mengotori masjid biasanya ia merujuk kepada kanak-kanak yang tidak mumayyiz. Pemahaman ini ditegaskan oleh Shihab al-Din al-Ramliyy (T.th: 186) dalam Hashiyah kepada kitab Asna al-Matalib karangan Abu Zakariyya al-Ansariyy dengan katanya: “Pandangan yang mengatakan makruh membawa masuk al-sibyan (kanak-kanak) bukanlah bermaksud mutlaq sebaliknya ia khusus kepada yang tidak mumayyiz, tidak taat (arahan supaya diam) dan tiada keperluan (untuk memasuki masjid)”.

Malah pada zaman ini kanak-kanak mumayyiz biasanya akan menggunakan tandas untuk membuang najis. Menurut Nubi Muhammad Hasan (2002: 79), pada zaman dahulu tandas tidak dibina di masjid. Pembinaan tandas di masjid adalah fenomena baharu. Hal ini bersesuaian dengan galakan Rasulullah SAW supaya bersuci sebelum menuju ke masjid. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah r.'a bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

مَنْ تَطَهَّرَ فِي بَيْتِهِ، ثُمَّ مَشَى إِلَى بَيْتٍ مِّنْ بُيُوتِ اللَّهِ لِيَقْضِي فَرِيضَةً مِّنْ فَرَائِضِ اللَّهِ، كَانَتْ
خَطْوَاتُهُ إِحْدَاهُمَا تَحْكُمُ حَطَبِيَّةً، وَالْأُخْرَى تَرْفَعُ دَرْجَةً

Maksudnya: Sesiapa yang bersuci di rumahnya, kemudian berjalan ke mana-mana rumah Allah (masjid) untuk menunaikan tuntutan Allah, bagi setiap dua langkahnya, satu daripadanya menggugurkan satu kesajahan dan satu langkah lagi mengangkat satu darjah. (Muslim T.th, *Sahih Muslim, kitab al-masajid wa mawadi' al-salah, bab al-mahsy ila al-salah tumha bih al-khataya*)

Berbeza dengan hari ini, hampir setiap masjid memiliki kemudahan tandas untuk ibu bapa membersihkan anak-anak mereka di samping penggunaan lampin pakai buang yang dapat mengelakkan daripada mengotori masjid. Oleh itu, najis tidak menjadi isu yang ketara dalam kes membawa kanak-kanak tidak mumayyiz ke masjid pada hari ini apatalagi jika kanak-kanak tersebut mumayyiz.

Ringkasnya, alasan larangan membawa kanak-kanak ke masjid yang dibincangkan oleh ulama merujuk kepada perkara-perkara berikut:

1. Hadis Wathilah ibn al-Asqa' dan Mu'adh ibn Jabal yang lalu.
2. Kanak-kanak boleh mengotori masjid dengan najis
3. Kanak-kanak boleh membuat bising sehingga mengganggu ketenteraman di dalam masjid.

Penghujahan berdasarkan hadis boleh dipertikaikan berdasarkan dua aspek:

1. Aspek status hadis.

Sebahagian ulama menyatakan hadis ini lemah. Antara mereka ialah al-Bayhaqiy, Ibn al-Jawziyy, al-'Asqalani, al-Haytamiyy dan al-Shawkaniyy (al-'Asqalaniyy 1416H/1995M: 34; al-Haythamiyy 1414H/1994M: 26; al-Shawkaniyy 1427H: 466).

2. 'Illah pengharaman berdasarkan hadis.

Jika diterima penghujahan dengan hadis tersebut atas andaian ia sebagai hadis yang sahih, namun kebanyakan ulama tidak mengamalkannya secara *mutlaq* sebaliknya mereka mengaitkannya dengan dua perkara iaitu mengotori masjid dengan najis dan membuat bising. Dua sifat ini adalah lumrah bagi kanak-kanak, justeru tidak hairanlah mereka dilarang memasuki masjid. Hal ini jelas dalam perbincangan kebanyakan para fuqaha yang lalu. Mereka tidak memahami maksud Wathilah ibn al-Asqa' tersebut

secara *mutlaq* memandangkan terdapat maksud-maksud hadis yang kelihatan bertentangan dengannya. Antaranya:

(a) Hadis Abu Qatadah yang diriwayatkan oleh al-Bukhariyy:

خَرَجَ عَلَيْنَا النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - وَأَمَامَةُ بَنْتُ أُبَيِّ الْعَاصِ عَلَى عَاتِقِهِ، فَصَلَّى فَإِذَا رَكَعَ
وَضَعَهَا، وَإِذَا رَفَعَ رَفَعَهَا

Maksudnya. Nabi S.A.W keluar kepada kami bersama Umamah binti al-'As di atas bahu baginda. Baginda pun bersolat. Apabila baginda rukuk baginda meletaknya dan apabila baginda bangun baginda mengangkatnya (*al-Bukhariyy, al-Sahih, kitab al-adab, rahmat al-walad, wa taqbilih wa mu'anaqatih*).

al-Nawawiyy menjelaskan bahawa perkara yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. tersebut terpakai kepada semua. Beliau (*al-Nawawiyy* 1392H: 5/32) berkata: “Sebahagian ulama mazhab Maliki mendakwa (hukum) hadith tersebut *mansukh*, sebahagian mereka mendakwa ia hanya khusus kepada Nabi S.A.W dan sebahagian yang lain mendakwa ia adalah kerana darurat. Semua dakwaan ini batal dan tertolak kerana tiada dalil yang menunjukkannya (kebenaran dakwaan mereka) dan tiada kemudaratan padanya”.

(b) Hadith Anas r.'a. yang diriwayatkan oleh al-Bukhariyy bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

إِنِّي لَا دُخُلُّ فِي الصَّلَاةِ فَأُرِيدُ إِطَالَتَهَا فَأَسْمَعُ بُكَاءَ الصَّبِيِّ فَأَنْجُوزُ مِمَّا أَعْلَمُ مِنْ شِدَّةِ وَجْدِ أُمِّهِ مِنْ
بُكَائِهِ

Maksudnya: Aku melakukan solat dan ingin memanjangkan solat, lalu aku mendengar tangisan seorang kanak-kanak, aku pun memendekkan justeru aku memahami begitu sedihnya si ibu lantaran tangisannya (*al-Bukhariyy* 1987, *al-Sahih, kitab al-jama'ah wa al-imamah, bab man akhaff al-salah 'ind buka' al-sabiyy*).

al-Shawkaniyy (1427H: 466) dalam menghuraikan hadis Abu Qatadah dan hadis Anas ini, beliau menyimpulkan bahawa ia menunjukkan membawa masuk kanak-kanak ke dalam masjid adalah harus (*jawaz*). Beliau mentafsirkan hadith Wathilah ibn al-Asqa' sebagai satu perkara yang sunat atau dilarang kerana dibimbangi kanak-kanak tersebut akan mengotori masjid dengan najis.

(c) Hadis A'ishah r.'a yang diriwayatkan oleh al-Bukhariyy:

أَعْتَمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْعِشَاءِ حَتَّىٰ نَادَاهُ عُمَرُ الصَّلَاةَ نَامَ النِّسَاءُ وَالصِّبَّيْنُ فَخَرَجَ
رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَقَالَ إِنَّهُ لَيْسَ أَحَدٌ مِّنْ أَهْلِ الْأَرْضِ يَصْلِي هَذِهِ الصَّلَاةَ
غَيْرَكُمْ

Maksudnya: Rasulullah S.A.W. melewatkkan solat Isyak sehingga Umar memanggil baginda: “Solat! Para wanita dan kanak-kanak telah tidur”. Lalu Rasulullah S.A.W. keluar dan bersabda: “tiada seorang pun dalam kalangan penduduk bumi yang melakukan solat ini melainkan kamu” (*al-Bukhariyy* 1987, *al-Sahih, kitab sifat al-salah, bab wudu' al-sibyan*).

al-Nawawiyy (1392H: 2/428) dan Al-‘Asqalaniyy (1379H: 48) menyatakan maksud wanita dan kanak-kanak tidur dalam hadith tersebut ialah tidur di dalam masjid. Hal ini membuktikan bahawa tidak menjadi kesalahan membawa masuk kanak-kanak ke masjid jika kehadiran mereka tidak mengganggu dan mengotori masjid. Jika ia menjadi kesalahan pasti Rasulullah S.A.W melarang perbuatan para sahabat dan sahabiyah yang membawa anak-anak mereka yang masih kecil ke dalam masjid.

Sementara penghujahan bahawa kehadiran kanak-kanak ke masjid boleh mengotori masjid dengan najis boleh dielakkan jika kanak-kanak yang dibawa itu sudah mumayyiz. Kanak-kanak yang mumayyiz kebiasaannya sudah mempelajari dan mengetahui cara membuang najis dan beristinjak. Kewujudan tandas-tandas di kebanyakan masjid memudahkan mereka untuk membuang air kecil dan air besar. Bagi kanak-kanak yang tidak mumayyiz pula boleh diatasi dengan memakaikan mereka lampin yang bersesuaian dan dipantau oleh ibu bapa mereka dari semasa ke semasa. Sewajarnya pihak masjid perlu menyediakan ruang khusus untuk penukaran lampin supaya kebersihan masjid lebih terpelihara.

Alasan kanak-kanak membuat bising di masjid mungkin menjadi alasan yang sukar ditolak kerana ia sudah menjadi sifat semulajadi kanak-kanak. Namun hal ini hendaklah dipertanggungjawabkan kepada ibu bapa untuk mengawasinya terutama ketika solat. Kanak-kanak yang sukar dikawal pergerakan dan suara ketika solat perlulah diasuh terlebih dahulu sebelum membawa mereka ke masjid. Perbuatan mereka membuat bising dan berjalan-jalan antara saf adalah sesuatu yang tidak wajar dibiarkan berlaku. Ibu bapa bertanggungjawab penuh atas tindakan mereka. Namun jika kanak-kanak tersebut boleh ditangani dengan baik, mereka wajar dibawa ke masjid untuk mendidik mereka dengan adab dan ibadah solat berjamaah. Tidaklah wajar menyekat mereka untuk datang ke masjid sedangkan kehadiran mereka ke tempat lain seperti pasaraya dan pusat-pusat membeli belah dibenarkan tanpa sebarang sekatan.

KESIMPULAN

Masjid ialah tempat bukan milik individu yang khusus untuk melakukan ibadat. Status pemilikan masjid di Malaysia ialah dalam bentuk wakaf secara berkekalan. Masjid merupakan tempat ibadat umat Islam. Segala unsur yang mengganggu tumpuan ibadat hendaklah dihindari daripada masjid. Walaupun terdapat hadis yang memerintahkan supaya menghindari kanak-kanak daripada masjid, namun ia tidak difahami secara mutlak oleh kebanyakan fuqaha. Mereka mangaitkannya dengan dua ‘illah larangan iaitu; mengotori masjid dan membuat bising. Isu mengotori masjid dengan najis pada zaman ini boleh diatasi dengan kewujudan tandas di masjid dan dipakaikan lampin yang bersesuaian bagi kanak yang tidak mumayyiz. Isu membuat bising dan bermain-main dalam ruang solat pula perlu dipertanggungjawabkan kepada ibu bapa. Mereka perlu mengasuh anak-anak mereka dan menguji mereka terlebih dahulu sebelum membawa mereka ke masjid. Kebaikan yang diharapkan kepada anak-anak mereka yang masih kecil hendaklah ditimbang dengan kemudarat yang bakal ditimbulkan oleh mereka jika mereka belum betul-betul bersedia untuk dibawa ke masjid.

RUJUKAN

- ‘Adil ibn Sa’d, Abu ‘Abd al-Rahman. 2006. *al-Jami’ li ahkam al-salah wa sifat solat al-nabi*. Beirut: al-Kitab al-‘Alamiyy li al-Nashr.
- Al-‘Asqalaniyy, Abu al-Fadl Ahmad ibn ‘Ali. 1379H. *Fath al-Bari sharh saih al-Bukhariyy*. Tahqiq Ahmad Fu’ad ‘Abd al-Baqi. Jil. 2. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Al-‘Asqalaniyy, Abu al-Fadl Ahmad ibn ‘Ali. 1416H/1995M. *al-Talkhis al-habir fi takhrij ahadith al-Rafi’iy al-kabir*. Tahqiq Abu ‘Asim Hasan ibn ‘Abbas ibn Qutb. Jil. 4. Kaherah: Mu’assasat Qurtubah.
- al-‘Ayniyy, Badr al-Din Mahmud ibn Ahmad al-Ghitabiyy. 2000. *al-Binayah sharh al-hidayah*. Jil. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ansariyy, Abu Zakariyya ibn Muhammad. T.th. *Asna al-matalib fi sharh rawd al-talib*. Jil. 1. T.tp: T.pt.
- Al-Bukhariyy, Abu ‘Abd Allah Muhammad ibn Isma’il Sahih al-Bukhariyy. 1987. *Sahih al-Bukhariyy*. Tahqiq Mustafa Dib al-Bugha. Jil. 1 & 5. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Hattab, Abu ‘Abd Allah Muhammad ibn Muhammad al-Malikiyy. 2010. *Mawahib al-Jalil fi sharh mukhtasar al-Shaykh Khalil*. Tahqiq Muhammad Salim ibn Muhammad ‘Ali al-Mubarakiyy al-Shanqitiyy & al-Yadaliyy ibn al-Haj Ahmad al-Yaqubiyy al-Shanqitiyy. Jil. 1. Muritania: Dar al-Ridhwan.

Al-Haythamiyy, Abu al-Hasan Nur al-Din ‘Ali ibn Abi Bakr. 1414H/1994M. Majma’ al-zawi’id wa manba’ al-fawa’id. Tahqiq Husam al-Din al-Qudsiyy. Jil. 2. Kaherah: Maktabat al-Qudsiyy.

Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin ibn ‘Umar al-Dimashqiyy. Radd al-muhtar ‘ala al-durr al-mukhtar. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Majah, Abu ‘Abd Allah ibn Yazid al-Qazwiniyy. 1430H/2009M. Sunan Ibn Majah. Tahqiq Shu’ayb al-Arna’ut et.al. T.tpt. Dar al-Risalah al-‘Ilmiyyah.

Ibn Muflīh, ‘Abd Allah Muhammad ibn Muflīh. 1999. *al-Adab al-Shar’iyyah*. Tahqiq Shu’ayb al-Ana’ut & ‘Umar al-Qayyam. Jil. 3. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.

Ibn Rajab, Zayn al-Din ‘Abd al-Rahman ibn Ahmad al-Hanbaliyy. 1996. *Fath al-Bari bi sharh sahih al-Bukhariyy*. Tahqiq Mahmud Sha’ban ibn ‘Abd al-Maqṣud et.al. Jil. 3. Madinah: Maktabah al-Ghuraba’ al-Athariyyah.

Al-Karamiyy, Mar’i ibn Yusuf. 2007. *Ghayah al-muntaha fi jam’ al-iqna’ wa al-muntaha*. Tahqiq Yasir Ibrahim al-Mazr’iyy & Ra’id Yusuf al-Rumiyy. Kuwait: Mu’assasah Ghiras li al-Nashr wa al-Tawzi’.

Al-Kasaniyy, ‘Ala’ al-Din Abu Bakr ibn Mas’ud ibn Ahmad. 1406H/2986M. *Bada’i’ al-sana’i’ fi tartib al-shara’i’*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Malik ibn Anas al-Asbahiyy. 1994. Al-Mudawwanah biriwayat Sahnun. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Mawaq, Muhammad ibn Yusuf al-Gharnatiyy al-Malikiyy. 1994. *Al-Taj al-iklil li mukhtasar Khalil*. Jil. 7. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Muslim, Abu al-Hasan Muslim ibn al-Hajjaj. T.th. *Sahih Muslim*. Tahqiq Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi. Jil. 1. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy.

al-Nawawi, Abu Zakariyyah Muhyi al-Din bin Sharaf. 1392H. *al-Minhaj sharh sahih Muslim ibn al-Hajjaj*. Jil. 2 & 5. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy.

al-Nawawi, Abu Zakariyyah Muhyi al-Din bin Sharaf. 1980. *Kitab al-majmu’ sharh al-Muhadhdhab li al-Shiraziyy*. Tahqiq Muhammad Najib al-Muti’iyy. Jil. 2. Jeddah: Maktabah al-Irshad.

al-Nawawi, Abu Zakariyyah Muhyi al-Din bin Sharaf. 1991. *Rawdah al-talibin wa ‘umdhah al-muftin*. Tahqiq Zuhayr al-Shawish. Jil. 1. Beirut: al-Maktab al-Islamiyy.

Nubi Muhammad Hasan. 2002. *‘Imarat al-masjid fi daw’ al-Qur’an wa al-Sunnah*. Kaherah: Dar Nahdah al-Sharq.

Al-Qarafiyy, Abu al-‘Abbas Shihab al-Din Ahmad ibn Idris. 1994. *al-Dhakhira*.
Tahqiq Muhammad Haji, Sa‘id Icrab & Muhammad Bu Khabzah. Jil. 6. Beirut:
Dar al-Gharb al-Islamiyy.

Al-Ramliyy, Shihab al-Din Abu al-‘Abbas Ahmad ibn Hamzah. T.th. *Hashiyah al-Ramliyy al-Kabir*. Dicetak bersama Asna al-matalib fi sharh rawd al-talib. Jil. 1.
T.tp: T.pt.

Al-Sarakhsiy, Shams al-A’immah Muhammad ibn Ahmad ibn Sahl. T.th. al-Mabsut.
Beirut: Dar al-Ma’rifah.

al-Shamiyy, Muhamna ibn Yahya. 2010. *Masa’il al-Imam Ahmad ibn Hanbal al-Fiqhiyyah*. Jam’ wa Dirasah Isma’il ibn Ghazi Marhaba. Jil. 1. Riyad: Maktabah
al-Ma’arif li al-Nashr wa al-Tawzi’.

al-Shawkaniyy, Muhammad ibn ‘Ali. 1427H. *Nayl al-awtar min asrar muntaqa al-akhbar*. Tahqiq Muhammad Subhi ibn Hasan Hallaq. Jil. 3. Damam: Dar Ibn al-Jawziyy.

Al-Tabraniyy, Abu al-Qasim Sulayman ibn Ahmad. 1983. *al-Mu’jam al-kabir*. Tahqiq
Hamdi ibn ‘Abd al-Majid al-Salafiyy. Jil. 20. Mosul: Maktabat al-‘Ulum wa al-Hikam.

Al-Tabraniyy, Abu al-Qasim Sulayman ibn Ahmad. T.th. *al-Mu’jam al-Kabir*. Tahqiq
Hamdi ibn ‘Abd al-Majid al-Salafiyy. Kaherah: Makabat Ibn Taymiyyah.

Al-Zarkashiyy, Muhammad ibn ‘Abd Allah. 1996. *I’lam al-sajid bi ahkam al-masajid*.
Tahqiq Abu al-Wafa’ Mustafa al-Maraghiyy. Kaherah: al-Majlis al-A’la li al-Shu’un al-Islamiyyah.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.